

2

PROGRAM *ERP-aLIVE @ IJ KATONG*

.....
Nazeerah Allaudin
CHIJ, Katong

ABSTRAK

Murid kurang berminat membaca buku cerita bahasa Melayu kerana mereka berpendapat bahawa jalan ceritanya kurang menarik. Justeru, Program Bacaan Luas (*ERP*) dijalankan dengan tujuan untuk menarik minat murid Darjah 1 dan 2 membaca buku cerita dalam bahasa Melayu. Antara aktiviti yang diterapkan adalah membuat kolaj, kad jemputan dan 'tunjuk dan ujar'. Buku 'Kosa Kata' pula dibina agar murid mempunyai senarai perkataan yang dipelajari hasil daripada bacaan tersebut. Tema yang berkaitan dengan bahan bacaan murid juga dikaitkan dengan situasi autentik yang terdapat di Singapura. Ibu bapa juga telah dijemput untuk menonton persembahan anak-anak mereka yang berkaitan dengan tema watak-watak *Disney*. Penilaian dilakukan melalui praujian dan pascaujian. Terdapat peningkatan daripada segi minat dan markah murid selepas program dijalankan.

Pengenalan

Cara terbaik untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu secara lisan mahupun bertulis dalam kalangan murid bahasa Melayu adalah dengan membaca. Hal ini adalah kerana melalui aktiviti membaca, murid dapat menambahkan ilmu pengetahuan, meningkatkan kreativiti dan berkomunikasi dengan lebih baik. Program Bacaan Luas (*ERP*) yang dinamakan *aLIVE@IJ Katong* bertujuan untuk menarik serta memupuk minat murid untuk membaca buku cerita dalam bahasa Melayu.

Tujuan Kajian

Program ini diadakan dengan tujuan untuk mewujudkan pembelajaran Bahasa Melayu yang lebih menarik dan bermakna bagi meningkatkan

kemahiran murid menggunakan bahasa Melayu dengan lebih efektif. Program *ERP* ini bertujuan untuk mengubah persepsi murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Hal ini amat penting kerana murid di Sekolah Rendah CHIJ (Katong) menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama di sekolah dan juga di rumah. Murid berpendapat bahawa bahan bacaan bahasa Melayu amat rumit dan sukar difahami serta jalan cerita buku-buku bahasa Melayu tidak begitu menarik berbanding dengan buku-buku bahasa Inggeris.

Permasalahan

Kebanyakan murid menganggap bahawa membaca buku cerita bahasa Melayu merupakan satu aktiviti yang membosankan. Masalah ini sangat ketara dalam kalangan murid Sekolah Rendah CHIJ (Katong) kerana sebilangan besar murid ini terdiri daripada golongan murid bukan penutur jati bahasa Melayu. Murid-murid ini tidak mempunyai penguasaan kosa kata yang luas dan hal ini pasti menjejaskan prestasi mereka ketika menduduki peperiksaan karangan dan ujian lisan.

Kajian Lepas

Konsep *ERP* dijalankan dengan menggunakan pendekatan dwibahasa, khususnya untuk mewujudkan pembelajaran Bahasa Melayu yang menarik dan bermakna; sekaligus meningkatkan kemahiran murid menggunakan bahasa Melayu dengan lebih efektif. Hal ini amat sesuai dengan profil golongan murid yang terdiri daripada golongan bukan penutur jati bahasa Melayu. Pendekatan dwibahasa menekankan bahawa pembelajaran bahasa akan menjadi lebih mudah kerana pemerolehan bahasa tidak memerlukan hukum nahu yang berlebihan ataupun latihan tubi. Metodologi yang paling berkesan untuk pemerolehan bahasa adalah dengan menyediakan titik mula yang sesuai bagi murid. Justeru, pengajaran dwibahasa merupakan suatu pendekatan yang mampu membantu murid memahami dan menggunakan bahasa Melayu dengan lebih efektif.

Kaedah Kajian

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 32 orang murid Darjah 1 dan 2. Seramai, 28 orang murid daripada kumpulan murid ini menggunakan bahasa Inggeris secara konsisten di rumah. 4 orang murid lagi menggunakan campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di rumah. Sewaktu berada di peringkat prasekolah mereka tidak didedahkan kepada bahan bacaan bahasa Melayu di sekolah mahupun di rumah. Oleh yang demikian, apabila mereka memasuki Darjah 1, bahasa Melayu diambil sebagai bahasa ibunda walaupun tahap penguasaan bahasa Melayu agak lemah.

Prosedur Kajian

Program *ERP-aLive @ IJ Katong* merupakan program yang disusun khas untuk memupuk minat murid agar membaca buku cerita dalam bahasa Melayu. Guru memilih tema tertentu bagi setiap peringkat. Guru membacakan buku cerita yang telah dipilih dengan lantang. Aktiviti membaca buku ini dijalankan di luar bilik darjah supaya suasana pembelajaran dan pengajaran menjadi lebih santai dan murid akan berasa lebih seronok sewaktu aktiviti bacaan dijalankan.

Aktiviti Pramembaca

Guru memilih tema tertentu bagi setiap peringkat. Guru mendapatkan bantuan pustakawan sekolah untuk menyenaraikan tajuk buku yang berkaitan dengan tema yang telah dipilih. Contohnya, bagi murid Darjah 1, guru telah memilih tema '*Disney Princess*'. Kemudian, guru memilih tajuk buku cerita yang sesuai dengan tahap pembacaan dan penguasaan bahasa murid dalam kelas tersebut. Murid boleh meminjam buku yang telah dikenal pasti oleh guru.

Seterusnya, guru memilih sebuah buku daripada senarai tajuk yang telah dikenal pasti untuk dibaca bersama-sama dengan murid. Sebagai aktiviti induksi, guru mencungkil pengetahuan sedia ada murid dengan bertanyakan pendapat mereka tentang jalan cerita buku cerita yang telah dipilih hanya dengan merujuk kepada tajuk buku serta ilustrasi buku tersebut. Setelah mendapatkan respons murid, guru mula membaca buku cerita. Semasa membaca buku cerita, guru akan bertanyakan soalan serta mendapatkan pandangan murid tentang buku cerita yang sedang dibaca. Sesi soal jawab ini menyebabkan pembelajaran dua hala berlangsung dan berlaku interaksi yang lebih spontan di antara guru dengan murid. Murid pula mula membina keyakinan diri dan mereka tidak berasa takut untuk bertanyakan soalan serta menjawab soalan yang diajukan oleh guru. Sebagai aktiviti induksi, murid juga

melakukan pelbagai aktiviti seperti membuat topeng muka atau membuat kad jemputan. Aktiviti pramembaca boleh berubah-ubah mengikut profil serta kebolehan murid. Tugas bertulis seperti menulis ulasan ataupun membuat ringkasan cerita dielakkan kerana boleh membosankan murid serta mematikan semangat mereka untuk membaca.

Aktiviti Membaca

Setiap minggu, sewaktu program bacaan berlangsung, murid membaca buku cerita pilihan mereka mengikut tema-tema yang telah ditentukan oleh guru. Murid dikehendaki mencari lima patah perkataan baharu dan menulis perkataan tersebut di dalam buku 'Kosa Kata'. Murid akan berkongsi perkataan serta maknanya dengan rakan mereka. Dengan cara ini, murid secara tidak langsung dapat mempertingkatkan penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Murid lebih terdorong untuk menggunakan perkataan-perkataan yang telah dipelajari kerana mereka diberikan kebebasan untuk memilih perkataan tersebut.

Contoh:

Tajuk buku : Puteri Salji

	bahasa Melayu	bahasa Inggeris
1	puteri	<i>princess</i>
2	berlari	<i>run</i>
3	orang kerdil	<i>dwarf</i>
4	racun	<i>poison</i>
5	cermin	<i>mirror</i>

Aktiviti Pascamembaca

Guru menggunakan masa *white space* yang disediakan oleh pihak sekolah untuk menjalankan aktiviti yang memerlukan murid melakukan aktiviti amali. Guru juga mengadakan lawatan *Learning Journey* ke tempat menarik yang berkaitan dengan tema. Murid juga diberikan tugas yang perlu diselesaikan di sana. Namun, tidak semua aktiviti pascamembaca dilakukan di luar sekolah. Ada juga aktiviti yang dijalankan di sekolah seperti di bilik khas di sekolah untuk mewujudkan suasana yang santai untuk aktiviti membaca.

Sebagai contoh, salah satu aktiviti membaca di sekolah dijalankan di HUB sekolah dengan tema *Disney Princess* untuk aktiviti unjuk dan ujar

mengenai *Princess Ball*. Setiap murid diberi masa sepanjang tiga minit untuk menceritakan tentang watak puteri yang menjadi pilihan mereka. Murid digalakkan untuk mengenakan pakaian yang mirip dengan pakaian yang digunakan oleh puteri pilihan mereka dalam aktiviti *Princess Ball*. Guru menyiapkan latar dan suasana ala *Disney Princess* di sekitar HUB sekolah untuk menimbulkan suasana tema *Disney Princess*. Ibu bapa juga dijemput agar terlibat dalam aktiviti ini dengan membantu anak-anak mereka berdandan dan berpakaian watak pilihan mereka serta menyiapkan ucapan untuk persembahan anak-anak mereka bagi aktiviti ini. Pada hari itu, ibu bapa juga dijemput menghadiri majlis tersebut. Ibu bapa berpeluang menonton persembahan anak mereka melakonkan watak puteri dalam buku yang telah dibaca oleh mereka. Sesi ini dirakam dan hasil rakaman dalam bentuk cakera padat kemudian diberikan kepada setiap orang murid.

Antara aktiviti yang dijalankan di luar sekolah yang dijalankan termasuklah lawatan ke dapur restoran *Canadian Pizza* selepas tamat waktu sekolah. Dalam lawatan ini, murid berpeluang melihat cara piza dibuat. Murid berpeluang untuk membuat piza mereka sendiri. Mereka juga ditugaskan untuk menemu ramah dua orang pekerja di dapur *Canadian Pizza*. Murid perlu membina soalan yang bakal diajukan kepada pekerja tersebut berdasarkan jawapan yang telah disediakan oleh guru.

Contoh soalan:	Apakah tugas cef di resotran ini?
Jawatan:	Cef
Tugas:	Memastikan setiap pesanan piza dibuat dengan teliti.

Guru mendapati murid berasa sangat gembira kerana dapat melakukan aktiviti yang tidak tertumpu pada buku teks mahupun buku aktiviti sahaja. Namun, guru juga memastikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu masih tetap dijalankan secara terancang agar objektif pengajaran dan pembelajaran ditepati.

Dapatan Kajian

Berdasarkan pemerhatian guru dan maklum balas yang diberikan oleh ibu bapa, aktiviti yang telah dijalankan berjaya menimbulkan minat dalam diri murid. Guru pula berpendapat bahawa aktiviti *ERP* telah berjaya membantu murid mempertingkatkan kosa kata serta memperbaiki penggunaan bahasa Melayu mereka. Hal ini jelas kelihatan pada markah peperiksaan pertengahan tahun (SA1) yang diperoleh murid terutama sekali dalam Kertas 1. Murid

berjaya mengembangkan idea mereka dalam karangan dengan menggunakan bahasa Melayu yang baik dan betul. Dalam ujian kemahiran lisan pula, murid dapat memberikan penjelasan dan pendapat tentang topik yang disoal dengan lebih yakin.

Cabaran

Cabaran utama yang dihadapi sewaktu menjalankan aktiviti ini adalah untuk mengubah persepsi murid terhadap bahasa Melayu agar mereka lebih berminat mempelajari bahasa tersebut. Hal ini disebabkan kebanyakan murid terlalu biasa menggunakan bahasa Inggeris sehingga mereka menganggap tidak mudah menggunakan bahasa Melayu. Kajian ini juga mendapati ada murid yang tidak yakin menggunakan bahasa Melayu. Oleh itu, guru perlu memikir dan menyusun aktiviti yang lebih menarik dan memastikan bahawa murid akan terdorong untuk membaca buku cerita dalam bahasa Melayu tanpa paksaan selepas melakukan aktiviti pramembaca dan pascamembaca.

Kesimpulan

Buku 'Kosa Kata' yang disediakan oleh murid pula telah menjadi satu bahan rujukan yang dapat digunakan oleh murid sebagai kamus binaan mereka. Secara tidak langsung, hal ini berjaya memupuk minat murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Aktiviti menarik yang dijalankan oleh guru, dapat melibatkan murid dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan menjadikan pembelajaran lebih seronok dan bermakna.

Rujukan

Krashen, Stephen D. (1981). *Principles and Practice in Second Language Acquisition. English Language Teaching Series*. London: Prentice – Hall International (UK) Ltd.